

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

Februari 1998

BST 202/3 & BST 325/3 Sains Tanah & Persekitaran

Masa : [3 jam]

Jawab mana-mana **LIMA** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada lima soalan hanya lima soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

(BST 202/3 & BST 325/3)

1. Persamaan Kehilangan Tanah Sejagat (Universal Soil Loss Equation) boleh digunakan untuk meramalkan hakisan tanah pada tanah-tanah pertanian:
 - a) Huraikan komponen-komponennya
(10 markah)
 - b) Bincangkan cara-cara mengawal hakisan
(10 markah)

2. Pertanian organik kini ditonjolkan sebagai suatu amalan yang sesuai dipraktikkan oleh sebab ia lebih mesra alam dengan cara tidak bergantung kepada penggunaan bahan-bahan kimia secara berlebihan. Apakah asas utama pertanian organik? Bincangkan.
(20 markah)

3. Air adalah komponen fizikal tanah yang memainkan peranan yang penting di dalam ekosistem tanah. Bincangkan:
 - a) Pengkelasan air tanah dan keterdapatannya.
(10 markah)
 - b) Kesan tekstur tanah terhadap keterdapatan air tanah.
(10 markah)

4. Bincangkan potensi penggunaan sumber tenaga alternatif bagi memenuhi keperluan tenaga dunia memandangkan sumber tenaga fosil yang semakin meruncing.
(20 markah)

(BST 202/3 & BST 325/3)

5. a) Bincangkan secara am masalah alam sekitar dari perlombongan galian.

(10 markah)

- b) Bincangkan cara memperbaiki masalah tanah bekas lombong bijih timah di Malaysia.

(10 markah)

6. Kawasan hutan menjadi semakin merosot akibat peningkatan jumlah manusia. Bincangkan mengapa anda harus mengambil berat soal ini?

(20 markah)

-ooo0ooo-